

**PENERBITAN BUKU-BUKU BERKAITAN PALESTIN YANG DITERBITKAN DI MALAYSIA
DAN INDONESIA**
(Books Publication Related to Palestine Published in Malaysia and Indonesia)

Oleh

Mohd Roslan Mohd Nor*

Nang Nashirah Binti Nik Dahalan**

Abstrak

Kajian ini adalah sebuah kajian untuk mengkaji buku-buku yang berkaitan dengan Palestin yang diterbitkan di Malaysia dan Indonesia. Melihat kepada situasi yang berlaku sekarang ke atas Palestin, ramai penulis yang mencoretkan bait-bait penulisan mereka tentang Palestin. Sebahagiannya untuk menceritakan kepada masyarakat apa yang sedang berlaku ke atas Palestin dan juga sebagai tanda caknanya kita terhadap isu-isu yang berlaku di sana. Dengan penghasilan buku-buku berkenaan Palestin, ianya secara tidak langsung dapat membuka mata masyarakat dan menyalurkan input-input tentang situasi Palestin kepada para pembaca. Kajian ini menggunakan metod kajian kepustakaan. Pengumpulan data-data dilakukan dengan melihat senarai buku di perpustakaan, carian internet dan lawatan ke kedai dan toko buku. Senarai buku-buku yang diperolehi telah dibahagikan kepada penerbitan sebelum tahun 2000 dan dari tahun 2000 hingga 2014. Hasil kajian Mendapati bahawa penerbitan buku berkaitan Palestin di Malaysia dan Indonesia berkembang dengan jumlah penerbitan yang boleh dianggap membanggakan.

Kata kunci: *Buku Palestin, Penerbit Buku, Malaysia, Indonesia, Timur Tengah, Arab-Israel.*

Abstract

This study attempts to examine books related to Palestine which are published in Malaysia and Indonesia. Looking at the current situation of Palestine, many writers would contribute and publish their writing about Palestine. This is partly to tell the public what is happening to the Palestinians and also as a sign of our awareness towards issues and conflict that are on going there. With the publication of the books on Palestine, it is indirectly opened the eyes of the public as well as to provide inputs on the Palestine situation to readers. This study used library research and literature survey methods. The data collection is done by looking at the list of books in the library, using internet search tools and visit to the shops and bookstores. List of books were divided into two; publication before year 2000 and from 2000 to 2014. The result of the study shows that the publication of books on Palestine in Malaysia and Indonesia increase with the number of publications that can be proud of.

Keywords: *Books on Palestine, Books publication, Malaysia, Indonesia, Middle East, Arab-Israel.*

Pendahuluan

Palestin merupakan sebuah negara yang terletak di bahagian barat benua Asia dan di bahagian Timur Laut Timur Tengah atau Asia Barat. Kedudukan Palestin dianggap berada pada kedudukan yang sangat strategik kerana menghubungkan benua Asia dan Afrika. Negara ini juga adalah titik tengah yang mempertemukan wilayah dunia-dunia Islam dengan erti kata lain berada di tengah-tengah negara Arab. Palestin sebuah negara yang terletak di rantau Asia Barat yang sehingga kini mengalami pergolakan politik dari dalam dan luar wilayahnya. Pergolakan yang berlaku menarik perhatian dari seluruh dunia. Malaysia dan Indonesia tidak terkecuali dalam memberikan bantuan kepada rakyat-rakyat Palestin

* Mohd Roslan Bin Mohd Nor, PhD, merupakan Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: m_roslan@um.edu.my.

** Nang Nashirah Binti Nik Dahalan, merupakan pembantu penyelidik, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

setiapkali mereka diancam oleh zionis. Selain itu, Malaysia dan Indonesia juga cakna akan masalah yang berlaku di Palestin sehingga banyaknya perbincangan yang dibuat keatas isu-isu Palestin seperti terbitnya banyak penulisan-penulisan berkaitan dengan Palestin dan perbincangan isu-isu bantuan untuk disalurkan kepada mereka di sana. Perkara ini dapat dibuktikan dengan penghasilan penerbitan buku-buku mengenai Palestin daripada negara kita Malaysia dan begitu juga Indonesia. Buku-buku yang diterbitkan menceritakan apa yang berlaku ke atas Palestin samada dari sudut sejarah mahupun peristiwa-peristiwa yang berlaku ke atas wilayah bergolak itu. Dengan solidariti para penulis buku, diharap ianya dapat membina kesedaran dan sifat keprihatinan yang tinggi dalam kalangan umat Islam agar senantiasa terus berterusan dalam bersama-sama membantu dan membela saudara sesama Islam kita yang dizalimi dan teraniaya di negara mereka sendiri.

Konflik Palestin Perlu Pembelaan

Pergolakan dan konflik di antara Arab dan Israel yang melibatkan Palestin secara langsung telah berlalu begitu lama. Jika dikira dari tarikh rasmi penubuhan negara Israel iaitu pada 15 Mei 1948, konflik yang berlaku telah berlangsung selama hampir 7 dekad. Menurut sejarah, konflik yang berlaku di antara keduanya bermula setelah kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah di penghujung perang dunia yang pertama. Kesannya, pada tahun 1922, Palestin telah diletakkan di bawah pentadbiran Britain iaitu sebagai sebahagian daripada Sistem Mandat.²

Umat Islam di seluruh dunia khususnya di Palestin tidak membiarkan situasi ini berpanjangan. Penduduk Palestin bangkit menentang penjajahan yang telah dilakukan dan Haji Husaini, iaitu mufti Palestin pada ketika itu sangat tegas dengan sikapnya dalam melawan dasar-dasar pihak penjajah yang mula berlembut dengan golongan Yahudi dan seterusnya membawa masuk golongan tersebut ke Palestin. Ia ditambah lagi dengan usaha yang dilakukan oleh Pertubuhan Zionis yang menginginkan sebuah negara untuk golongan Yahudi.³

Walaupun penguasaan Yahudi terhadap Palestin secara rasmi dinyatakan bermula dari pengisytiharan Israel sebagai sebuah negara pada 15 Mei 1948,⁴ tetapi menurut Cattan, pengisytiharan sebagai sebuah negara sebenarnya telah digembar-gemburkan oleh Israel sehari sebelumnya lagi.⁵ Sejak penubuhannya secara rasmi, pelbagai usaha yang dilakukan oleh Israel terutama untuk untuk menguasai Jerusalem Timur (*East Jerusalem*) iaitu kawasan di mana terletak Masjid al-Aqsa dan Qubah al-Sakhrah (*The Dome of The Rock*).

Selepas penubuhan negara Israel diisytiharkan, penduduk Arab di Palestin menerima kesan yang sangat pedih, di mana ada di antara mereka yang dihalau keluar dari kampung halaman mereka. Mereka terpaksa tinggal di kem-kem pelarian sementara yang didirikan di sekitar tanah Palestin seperti di Jordan, Syria, Lubnan dan Mesir. Sehingga hari ini, masih ramai yang tinggal di kem-kem pelarian tanpa mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Sejak kemenangan Israel dalam perang 6 hari dan seterusnya menawan serta menjajah (*occupied*) Jerusalem Timur pada bulan Jun 1967,⁶ Masjid al-Aqsa dan Bayt al-Maqdis terus dikuasai oleh Yahudi

² Gilbert, Martin. *The Routledge atlas of the Arab-Israeli conflict*. Routledge, 2012.

³ Mohd Roslan Mohd Nor, "Konflik Israel-Palestin dari aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis", *Jurnal al-Tamaddun* 5 (2010), 74.

⁴ *Ibid.*, 80.

⁵ Cattan, Henry (1976), *Palestine and International Law*, UK: Longman Group Ltd, h. 21-23.

⁶ *Ibid.*, 167-169.

secara politik dan perundangan, sehinggalah ke hari ini. Masyarakat Islam Palestin dan antarabangsa tidak dapat untuk mengunjungi Masjid al-Aqsa secara bebas. Mereka harus mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak tentera Israel. Inilah kesan penjajahan yang mereka lakukan ke atas tanah Palestin ini.

Banyak lagi sebenarnya peristiwa pergolakan yang berlaku. Dekad 70an, 80an dan 90an turut mempunyai sejarah tersendiri dalam menyaksikan hubungan tegang di antara Arab - Israel. Intifadah pertama berlaku pada tahun 1987, manakala yang kedua berlaku pada tahun 2000. Intifadah ini menunjukkan betapa semangat juang rakyat Palestin tidak pernah luntur untuk membela nasib mereka dan membebaskan diri dari cengkaman zionis.

Selepas kemenangan Hamas dalam pilihanraya pada tahun 2006,⁷ mereka sekali lagi berdepan dengan tindakan tidak berpersi kemanusiaan. Gaza diserang pada tahun 2007, dikepung oleh Israel, pintu sempadan mereka telah ditutup. Barat mula menyatakan bahawa Hamas merupakan pertubuhan yang menyokong keganasan.⁸ Tuduhan itu telah menyebabkan bantuan tidak dapat disalurkan kepada mereka. Malah, misi bantuan kemanusiaan Gaza pada tahun 2010 yang dikenali dengan misi Freedom Flotilla Gaza telah diserang oleh Israel.⁹ Salah satu kapal yang membawa bantuan, iaitu Mavi Marmara¹⁰ diceroboh oleh tentera Israel ketika mereka masih berada di perairan antarabangsa, menyaksikan berlakunya tumpah darah dan kematian di atas kapal tersebut. Sehingga sekarang, kelihatan pergolakan ini masih belum reda. Pasti ia perlukan pembelaan yang menyeluruh.

Salah satu aspek yang boleh membantu mereka adalah melalui penerbitan bahan-bahan bagi menjelaskan apa yang berlaku kepada masyarakat awam. Bagi rakyat Malaysia dan Indonesia, pergolakan ini tidak asing bagi mereka kerana sering dipaparkan dalam media. Bahkan ia turut ditulis dan dicetak sebagai tambahan kepada koleksi buku-buku berkaitan dengan Palestin.

Senarai dan peratusan buku-buku terbitan penerbit Malaysia dan Indonesia

Berdasarkan kepada pencarian secara umum oleh penulis, penulis telah dapat menyenaraikan seberapa banyak buah buku (di dalam bahasa Melayu) yang berkaitan dengan Palestin yang diterbitkan di Malaysia dan Indonesia dari tahun sebelum tahun 2000 dan dari tahun 2000 hingga 2014. Senarai buku-buku dicatatkan seperti di dalam jadual di bawah.

No	Judul Buku	Penulis	Penerbit	Tahun Terbit	ISBN
1.	20 persoalan asas Palestin	Maszlee Malik	JIM International & JIMedia	2006	98397823 12, 97898397

⁷ Usher, Graham. "The democratic resistance: Hamas, Fatah, and the Palestinian elections." *Journal of Palestine Studies* 35, no. 3 (2006): 20-36.

⁸ Long, Baudouin. "The Hamas Agenda: How Has It Changed?." *Middle East Policy* 17, no. 4 (2010): 131-143; Milton-Edwards, Beverley. "Islamist Versus Islamist: Rising Challenge in Gaza." *Terrorism and Political Violence* 26, no. 2 (2014): 259-276.

⁹ De Jong, Anne. "The Gaza freedom flotilla: human rights, activism and academic neutrality." *Social Movement Studies* 11, no. 2 (2012): 193-209.

¹⁰ Saltzman, Ilai Z. "Honor as Foreign Policy: The Case of Israel, Turkey, and the Mavi Marmara." *International Studies Review* 17, no. 2 (2015): 249-273.

					82318
2.	ABIM & perjuangan umat Palestin	Mohd Rumaizuddin Ghazali	Biro Dakwah dan Tarbiyah ABIM	2003	
3.	Ahmad Yassin: Bapa Intifadah Palestin	Maszlee Malik	Karya Bestari	2005	96786025 98, 97896786 02594
4.	Airmata anak-anak Palestin	Zainudin Hashim	Kemilau Publika		
5.	Air mata Gaza	Hafidzi Mohd Noor, Mazlee Malik & Megat Shariffudin Ibrahim	Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)	2010	98397825 84, 97898397 82585
6.	Al-Aqsa dalam bahaya!	Maszlee Malik	JIM International & JIMedia, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)	2006	98397823 04, 97898397 82301
7.	Al-Quds dan Palestin tanggungjawab kita bersama	Dr. Yusuf al Qaradhawi	Alam Raya Enterprise	2012	97896756 88195
8.	Arafat: Hidup matinya untuk Palestin	Wahba	Progressive Products Supply	1989	98385400 99
9.	Baitul Maqdis (Al-Quds): Antara kelebihan & kezaliman zionis	Wahbah az-Zuhaili; penterjemah, Abul Khairi al-Latifi	Al-Hidayah Publishers	2001	98309935 74
10.	Baitul Maqdis: Sejarah kejatuhan Palestin dan kewujudan Israel	Abdul Karim Ali, Mohd Roslan Mohd Nor	Persatuan Ulama' Malaysia	2010	97898323 06085
11.	Berdamai dengan Israel berapa harganya?	Hafidzi Mohd Noor	JIM International, JIMedia & Karisma, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)	2006	98397823 39, 97898397 82332
12.	Biarkan aku jadi orang Palestin	W. Muhammad W. Ibrahim	JIMedia	2008	
13.	Bumi yang dijanjikan: Konflik Palestin-Israel	Mohamad Fauzi Zakaria, Mohd Roslan Mohd Nor	Penerbit Universiti Malaya	2013	97898310 07075
14.	Bunga Palestin	Puteri Fahsyar	Pustaka Segar	2003	98323378 52, 97898323 37850
15.	Dari Semenanjung Gaza: Ayat-ayat Allah	Muhammad Lili Nur Aulia	Alam Raya Enterprise	2009	98343693 52,

Penerbitan Buku-Buku Berkaitan Palestin Yang Diterbitkan di Malaysia dan Indonesia


	berbicara				97898343 69354
16.	Dalang di Palestin: Hamas atau Israel?	Hafidzi Mohd Noor	JIMedia & PACE	2007	97898397 82479
17.	Dendam Amerika, Israel terhadap umat Islam: Rakyat Afghanistan, Iraq, Palestin dan Lebanon ramai dibunuh	Mustaffa Suhaimi	Progressive Pub. House	2007	98331713 62, 97898331 71361
18.	Detik cemas Mavi Marmara: Palestin kami datang	Fatimah Syarha Mohd Noordin & Dr Farhan Hadi Mohd Taib	Telaga Biru Sdn. Bhd.	2010	97896738 80089
19.	Di sebalik kebangkitan rakyat Palestin: Satu perjalanan di wilayah- wilayah yang dijajah	Essma Ben Hamida	Rangkaian Dunia Ketiga	1990	97898399 57334
20.	Fakta-fakta asas di sebalik isu Palestin	Mohsen Mohammad Saleh; penterjemah Hanafi Hj Dollah	Fajar Ulung	2002	98394704 26, 97898394 70420
21.	Fatwa Palestin: Soal jawab berkenaan isu pergolakan di Palestin	Dr. Yusuf Al- Qaradhawi	PTS Islamika	2014	96736623 12, 97896736 62319
22.	Gadis kecil di pinggir Gaza	Vanny Chrisma W	PTS Litera Utama Sdn. Bhd	2012	97896740 81027
23.	Gaza menangis: Menelusuri sejarah perjuangan Palestin dan pembantaian di Gaza	Aris Ismail, Riduan Mohamad Nor	Jundi Resources	2009	98343630 79, 97898343 63079
24.	Hamas: Daripada underground kepada parti pemerintah	Maszlee Malik	PTS Litera Utama	2006	98336041 45, 97898336 04142
25.	Hamas: Pejuang Kota Suci Baitulmuqaddis	Maszlee Malik	PTS Millennia	2009	13978983 3604760, 10983360 4765
26.	Hamas: Perjuangan dari buaian sehingga titis darah terakhir	Saifullah Mohd Sawi, Munirah Atirah Zakariah	Karisma Publications	2010	98319548 07, 97898319 54805
27.	Impian Palestin: Kisah sebuah persahabatan,	Randa Ghazy	Ar-Risalah Product	2007	98326724 73,

	cinta dan peperangan				97898326 72470
28.	Intifadah: Kebangkitan Islam Palestin	Ismail Mohd. Ariffin	Penerbitan Hizbi	1989	97896799 64608
29.	Israel: Kenapa dunia tidak boleh mengiktirafnya	Hafidzi Mohd Noor	JIM International & JIMedia, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)	2006	98397823 20, 97898397 82325
30.	Israel atau Palestin?: Isu dalam pilihanraya 90-an	Ghazali Ismail	Perdana Production House	1990	98387900 1X, 97898387 90017
31.	Isu Palestin: Latar belakang dan kronologi perkembangannya sehingga tahun 2000	Mohsen Mohammad Saleh; penterjemah, Haji Ahmad Kamal bin Mohamed	Fajar Ulung	2001	98394704 0X, 97898394 70406
32.	Kembara Beirut: Menjejaki pelarian Palestin di Lubnan	Maszlee Malik	JIMedia, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)	2009	98397823 47, 97898397 82349
33.	Kemelut Palestin: Sejarah & masa kini	Ibnu Hasyim	FIKIR	2002	
34.	Kepimpinan dalam pergerakan Islam: Tokoh pergerakan Islam masa kini Syeikh 'Izzudin al-Qassam (Palestin)	Musthafa Muhammad Thahhan; penterjemah, Muhammad Baihaqi	Al-Hidayah Publishers	2002	97898309 94376
35.	Konflik Palestin-Israel: Peluru vs batu	Maszlee Malik	Karya Bestari	2007	97896786 02693
36.	Masjid Al-Aqsa, Kiblat Pertama & Tanah Suci Ketiga	Dr. Mushtafa Abdul Jawwad Ahmad Rasywan	Pustaka Syuhada		
37.	Mencari makna di sebalik krisis di Lebanon dan Palestin: Analisis kritikal percaturan politik Amerika dan kuasa serantau	Norizan Bin Sharif	Institut Perkembangan Minda (INMIND)	2007	97898391 84884
38.	Palestin: 40 tahun dalam neraka Zionis	Mustaffa Suhaimi	Najdi Publications	1988	
39.	Palestin / Israel: Keamanan atau aparteid; pendudukan, keganasan dan masa depan	Marwan Bishara	Institut Terjemahan Negara Malaysia	2007	98306822 26, 97898306 82228

Penerbitan Buku-Buku Berkaitan Palestin Yang Diterbitkan di Malaysia dan Indonesia

40.	Palestin: Daripada perampas jalanan kepada peta jalanan	Abdul Hadi Awang	Jundi Resources	2011	96759680 36, 97896759 68037
41.	Palestin tak pernah gentar!: Fatwa kontemporari dan penyelesaiannya	Zulkifli Mohamad al-Bakri, Fatimah Syarha Mohd. Noordin	Telaga Biru	2009	96751024 62, 97896751 02462
42.	Palestin Dijajah: Di manakah Solahuddinnya?	Zainur Rashid Zainuddin	Aman Palestin Berhad	2009	
43.	Palestin: Warisan kita	Ismail Zayid	Angkatan Belia Islam Malaysia	1977	
44.	Palestin 2009: Pameran amal	Mohamad Majidi Amir	Balai Seni Lukis Negara	2009	98334973 14, 97898334 97317
45.	Perdamaian Palestin bukanlah apartheid	Jimmy Carter; penterjemah, Amir Muslim	Institut Terjemahan Negara Malaysia	2011	98306867 01
46.	Rahsia Baitul Maqdis (Palestine)	Muhammad Baihaqi	Al-Hidayah Publication	2001	98309930 19, 97898309 93010
47.	Rakyat Palestin bersuara: Kuwarnai salji hitam... kerana kami takut pada hari-hari menjelang	Alijah Gordon; Noor Khairiyati Mohd. Ali; penterjemah, Shamsiah MD. Said	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	2003	98362765 21
48.	Sheikh Ahmad Yassin: Bapa intifadah Palestin	Maszlee Malik	Karya Bestari	1974	
49.	Siapa khianati Palestin?: Usaha iktiraf Israel	Yusri Yusof	Penerbitan Pemuda	1994	
50.	Tabung untuk Palestin	Suhailah Ismail	Pustaka Sukses	2011	
51.	Umar al-Khattab - Reformis Dunia Islam	Abdul Latip Talib	PTS Litera Utama	2009	98336033 27, 97898336 03329
52.	Usaha iktiraf Israel: Siapa khianati Palestin	Yusri Yusof	Penerbitan Pemuda	1994	

Jadual 1: Senarai Buku-Buku Mengenai Palestin Yang Diterbitkan Di Malaysia



Rajah 1: Peratusan Buku-buku Mengenai Palestin Yang Diterbitkan Di Malaysia Mengikut Tahun


No	Judul Buku	Penulis	Penerbit	Tahun terbit	ISBN
1.	Bara Berkobar dari Gaza	Abdul Wadud Yusuf	Komarona, Yogyakarta	2012	9786029869491
2.	Eksistensi Palestin di mata Teheran dan Washington	M. Riza Sihbudi	Mizan Pustaka	1992	
3.	Footnotes in Gaza: Catatan kaki dari Gaza	Joe Sacco	Gramedia Pustaka Utama (GPU)	2014	9786020308500
4.	From Beirut to Jerusalem: Kisah pengabdian seorang doktor perempuan di kamp pengungsian Palestin	Ang Swee Chai; penterjemah Dina Mardiana	Mizan Pustaka	2010	9794335932, 9789794335932
5.	Gilad Atzmon "Catatan kritikal tentang Palestin dan masa depan Zionisme"	Ahmad Syafii Maarif, Yadi Saeful Hidayat, Maarif Institute for Culture and Humanity (Jakarta)	Mizan Pustaka	2012	9794336866, 9789794336861
6.	Hamas, Ikon Perlawanan Islam Terhadap Zionisme Israel	Bawono Kumoro	Mizan Pustaka	2009	9794335509
7.	Hamas, kenapa dibenci Israel?	Tiar Anwar Bachtiar	Hikmah	2009	9791142629, 9789791142625
8.	Hikmah Berserak dari	Nurjanah Hulwani	Gema Insani	2014	

Penerbitan Buku-Buku Berkaitan Palestin Yang Diterbitkan di Malaysia dan Indonesia

	Bumi Gaza Palestina		Press		
9.	Jalan-jalan di Palestina: <i>Catatan atas negeri yang menghilang</i>	Raja Shehadeh	Gramedia Pustaka Utama	2008	9792238786, 97897922387 85
10.	Jalur Gaza: Tanah terjanji, intifada dan pembersihan etnis	Trias Kuncahyono	Penerbit Buku Kompas	2009	9797094340
11.	Jejak-jejakjuang Palestina: Dari Oslo hingga intifadah Al-aqsa	Musthafa Abd Rahman	Penerbit Buku Kompas	2002	979709040X
12.	Jerusalem: Kesucian, Konflik, dan Pengadilan	Trias Kuncahyono	Penerbit Buku Kompas	2009	9797093611, 97897970936 17
13.	Mavi Marmara menembus Gaza: kesaksian seorang relawan	Ferry Nur	Gema Insani	2010	9790772149, 97897907721 44
14.	Membalut luka Gaza: Perjalanan para dokter dan relawan untuk mengembalikan senyum Palestina	Prita Kusumaningsih,Amin ah Mustari	Salsabila	2013	6029854518, 97860298545 10
15.	Mengapa kita kalah di Palestina?	Yusuf al-Qardhawi	Penerbit Pustaka	1988	
16.	Palestina dalam pandangan Imam Khomeini	Imam Khomeini	Pustaka Zahra	2004	9793249552
17.	Palestin: Masalah kita bersama	Yusuf al-Qardhawi	Pustaka Al- Kautsar	1999	9795921169, 97897959211 65
18.	Palestina Membara: Duka orang- orang terusir	Joe Sacco	DAR Mizan	2004	9797528316, 97897975283 17
19.	Palestina milik siapa?: Fakta yang tidak diungkapkan kepada orang kristen tentang tanah perjanjian	Gary M.Burge; penterjemah, Williams B.Mailoa, Perwira L.Sabath, Immanuel A.Nanulaitta	PT BPK Gunung Mulia	2010	97897968770 03
20.	Palestina: Sejarah, perkembangan dan konspirasi	Muhsin Muhammad Saleh	Gema Insani	2002	9795617664, 97897956176 62
21.	Pejuang Palestina	Najeeb al-Kaelani; penterjemah, Rahmat	'Izzan Pustaka	2002	

		Baso			
22.	Pelayaran Berdarah Menuju Gaza: Kesaksian Langsung Relawan dan Wartawan Indonesia dari Kapal Mavi Marmara	Dzikrullah W. Pramudya, Santi Soekanto, Surya Fachrizal	Lentera Optima Pustaka	2010	6029703048, 9786029703047
23.	Purnama untuk Palestine	Vanny Chrisma W., Addin Negara	Diva Press	2012	6029779982
24.	Rindu Tanah Jeruk: Palestina!	M. Toha Anwar	EMIR	2014	9786022419976
25.	Scar of David, Scar of Palestine	Susan Abulhawa; penterjemah, Reni Indardini	PT Mizan Publika	2009	9789791923811
26.	White light in Gaza: Cinta selalu lebih berani dari kematian	Tomy Purnomo Sidi	DIVA Press	2013	6027933208, 9786027933200

Jadual 2: Senarai Buku-Buku Mengenai Palestin Yang Diterbitkan Di Indonesia



Rajah 2: Peratusan Buku-buku Mengenai Palestin Yang Diterbitkan Di Indonesia Mengikut Tahun Buku-buku terbitan penerbit Malaysia dan Indonesia

Berdasarkan kepada Jadual 1, apabila dilihat mengikut tahun senarai buku-buku yang didapati oleh penulis secara rawak, telah didapati bahawa di Malaysia dan Indonesia, dalam tempoh jangka masa dari tahun 2006 hingga 2010, dapat dilihat bahawa buku-buku mengenai Palestin yang paling banyak diterbitkan adalah pada tahun-tahun ini. Hal ini mungkin disebabkan pada sekitar tahun 2006 hingga 2010 telah banyak berlaku krisis-krisis runcing di Palestin seperti pilihanraya pertama di Palestin yang berlaku pada Februari 2006¹¹ yang mana Mahmood Abbas yang mewakili pimpinan Fatah kalah dalam

¹¹ Hafidzi Mohd Noor, *Israel: Kenapa dunia tidak boleh mengiktirafnya* (Kuala Lumpur: Jamaah Islah Malaysia, 2006), 1.

pilihanraya tersebut. Hal ini memberi tamparan hebat kepada rejim Zionis dan Amerika Syarikat. Selain itu, pada 31 Mei 2010, tragedi kapal Mavi Marmara yang diserang oleh tentera Zionis ketika dalam perjalanan untuk menghantar bantuan berupa 10 ribu tan barangan bantuan kepada mangsa-mangsa kezaliman Zionis di Gaza turut menjadi klimaks kepada tragedi hitam sejarah kemanusiaan. Hal ini sedikit sebanyak mendorong penulis-penulis buku untuk menceritakan kepada masyarakat apa yang sedang berlaku kepada umat Palestin dalam mempertahankan tanah mereka sekaligus menceritakan kisah-kisah pencabulan hak ke atas peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam memberi bantuan kepada rakyat-rakyat Palestin.

Sebagai contoh, buku karya Fatimah Syarha Mohd Noordin dan Dr Farhan Hadi Mohd Taib yang berjudul 'Detik cemas Mavi Marmara: Palestin kami datang' terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. Dalam menghasilkan buku ini, penulis telah mengumpulkan maklumat secara langsung dari sukarelawan-sukarelawan yang terlibat, melalui ahli keluarga mereka yang terbabit, melalui media, dan pencarian melalui keratan-keratan akhbar yang memaparkan tentang kisah ini. Apabila ada bahagian-bahagian yang ditulis oleh penulis yang mana sukarelawan berkongsi pengalaman mereka sendiri dalam menghadapi saat-saat getir sewaktu Mavi Marmara diserang, membuatkan - pembaca mula berfikir sampai bilakah keadaan ini akan berlarutan yang mana saudara seagama kita ditawan di negara mereka sendiri. Bermacam-macam rasa yang hadir ketika membaca buku ini. Sadis, kecewa, marah, sedih, terharu, jihad, dan semuanya dirasai.

Selain itu, penerbit di Indonesia juga ada menerbitkan buku mengenai tragedi Mavi Marmara iaitu 'Mavi Marmara menembus Gaza: Kesaksian seorang relawan' hasil karya Ferry Nur terbitan Gema Insani dan 'Pelayaran berdarah menuju Gaza: Kesaksian langsung relawan dan wartawan Indonesia dari Kapal Mavi Marmara' yang ditulis oleh Dzikrullah W. Pramudya, Santi Soekanto, dan Surya Fachrizal, terbitan Lentera Optima Pustaka. Kedua-dua buah buku ini diterbitkan pada tahun 2010. Buku 'Pelayaran berdarah menuju Gaza' merupakan salah sebuah buku yang mana ianya menceritakan pengalaman 12 orang sukarelawan dan wartawan Indonesia yang berada di dalam kapal Mavi Marmara ketika peristiwa itu berlaku. Buku ini juga menceritakan kepada pembaca peristiwa sebelum dan selepas tragedi kemanusiaan itu berlaku. Hasil jualan buku ini seratus peratus disalurkan kepada saudara-saudara Palestin. Ianya diuruskan oleh Sahabat al-Aqsha. Berbeza dengan buku karya Ferry Nur iaitu 'Mavi Marmara menembus Gaza', ianya lebih menceritakan tentang misi perjalanan kapal Mavi Marmara, Gaza, Hamas, dan keadaan wilayah Palestin bagaimana sejarah Palestin dijajah oleh Israel.

Di Malaysia, buku-buku tentang Palestin yang diterbitkan oleh Jamaah Islah Malaysia (JIM) kebanyakannya adalah daripada pengalaman penulis-penulis itu sendiri. Penulisnya yang paling terkesan di hati pembaca dalam mencoret kisah-kisah perjuangan rakyat Palestin pada pendapat saya ialah Maszlee Malik dan Hafidzi Mohd Noor. Maszlee Malik merupakan seorang yang banyak menulis mengenai buku-buku yang berkisar mengenai Palestin. -. Maszlee Bin Malik, beliau dilahirkan di Johor Bahru pada tahun 1974. Selepas mendapat pendidikan rendah di Sekolah Temenggong Abdul Rahman 2 (STAR), Johor Bharu dan pendidikan menengah di Maktab Sultan Abu Bakar (English College) dari 1987 hingga 1989. Kemudian beliau telah menyambung pengajian di dalam bidang agama di Madrasah al-Quran Waddin, dan seterusnya ke Maahad Johor. Selepas itu beliau melanjutkan pula pelajaran Ijazah Sarjana Muda di Universiti Al-Bayt, Jordan dalam bidang fiqh dan usul fiqh. Kemudian beliau menyambung di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Malaya dalam bidang yang sama. Selepas menamatkan Ijazah Sarjana, beliau menyambung di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Sains Politik di United Kingdom.

Banyak buku-buku penulisan beliau berkisar mengenai isu-isu Palestin. Antaranya ialah 20 persoalan asas Palestin (2006), Al-Aqsa dalam bahaya (2006), Hamas: Pejuang kota suci Baitulmuqaddis (2009), Konflik Palestin-Israel: Peluru vs batu (2007), Kembara Beirut: Menjejak Pelarian Palestin di Lubnan

(2006), dan lain-lain lagi. Beliau juga ada menulis buku kolaborasi bersama Hafidzi Mohd Noor dan Megat Shariffudin Ibrahim iaitu buku yang bertajuk *Air Mata Gaza* (2009). Salah satu buku penulisan beliau iaitu 'Kembara Beirut: Menjejaki Pelarian Palestin di Lubnan' merupakan sebuah buku yang menceritakan tentang pengalaman beliau setelah beliau pergi ke sana untuk melihat sendiri bagaimana penderitaan pelarian-pelarian Palestin di Lubnan. Berbekalkan daripada kata-kata bekas pensyarah beliau iaitu Dr Muhsen Saleh, iaitu mantan pensyarah di Jabatan Sejarah di *Kuliyyah of Human Science*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang menyeru kepada pelajarannya bahawa jika anda ingin melihat sendiri penderitaan yang dialami oleh pelarian Palestin, pergilah ke Beirut, Lubnan.¹² Daripada kata-kata inilah yang membuatkan beliau berkobar-kobar untuk melihat sendiri situasi pelarian di sana. Pada 14 November 2004, beliau bersama rakannya telah berlepas ke Lubnan dan mereka dijemput oleh Dr Muhsen sendiri yang mana beliau (Dr Muhsen) telah bersara dari UIAM dan kini sedang berkhidmat di Lubnan.

Buku 'Kembara Beirut' menceritakan tentang catatan pengalaman beliau melawat kem-kem pelarian Palestin di bumi Lubnan. Di Lubnan, terdapat 12 kem pelarian Palestin iaitu *Ein el-Hilweh, Nahrel el-Bared, Rashidieh, Burj el-Barajneh, Burj el-Shemali, Beddawi, Shatila, El-Buss, Wavel, Mieh wa Mieh, Dbayeh, dan Mar Elias*. Akan tetapi, beliau hanya sempat melawat kem *Shatila, Burj al-Barajneh, Nahr al-Baarid, Kem Beddawi, Ein Helweh, dan Mieh wa Mieh*. Melalui catatan pengalaman beliau, di Lubnan, dapat digambarkan bahawa keadaan di dalam setiap kem pelarian itu sangatlah daif dan serba kekurangan.¹³ Pelarian-pelarian ini dilarang untuk membesarkan kawasan kem mereka dan mereka juga tidak dibenarkan untuk memiliki tanah di luar kem pelarian itu. Ini bererti mereka terpaksa membina rumah-rumah dengan cara bertingkat bagi menjimatkan ruang untuk mengatasi masalah kepadatan penduduk di kem pelarian.¹⁴ Daripada masalah-masalah seperti ini, dapat dirasai kesengsaraan rakyat-rakyat Palestin di sana. Beliau bercerita dalam keadaan santai dan pembaca seolah-olah turut berada di Lubnan bersama dengan beliau. Turut terselit beberapa lawak jenaka yang dapat difahami oleh pembaca. Dengan catatan yang mudah difahami misalnya beliau menceritakan perihal masyarakat Lubnan dan beberapa tempat menarik yang sempat dilawati oleh beliau dan tempat bersejarah di sana menjadikan buku ini lebih ceria dan pembaca akan mendapat banyak info berkenaan dengan Lubnan, yang mana tidak hanya tertumpu kepada masalah pelarian Palestin sahaja. Beliau juga ada menyertakan jumlah pelarian Palestin yang berdaftar di setiap kem pelarian di Lubnan.

Seterusnya, Hafidzi Mohd Noor juga ada menerbitkan buku di bawah penerbit Jamaah Islah Malaysia (JIM). Beliau merupakan salah seorang aktivis Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM).¹⁵ Sedikit latar belakang beliau. Beliau dilahirkan pada tahun 1962 dan berasal dari Seremban, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan tertinggi iaitu Ijazah Kedoktoran di dalam bidang zoology di University of Aberdeen, Scotland, United Kingdom dan kini beliau bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia. Dalam menghasilkan buku-buku tentang Palestin, beliau telah bergabung dengan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) dalam menerbitkan buku bersiri 'Bebaskan Al-Aqsa.' Pada tahun 2006, JIM telah menerbitkan empat siri buku-buku 'Bebaskan Al-Aqsa' iaitu *Al-Aqsa Dalam Bahaya, 20 Persoalan Asas Palestin, Israel: Kenapa Dunia Tidak Boleh Mengiktirafnya, dan Berdamai Dengan Israel: Berapa Harganya*. Jualan-jualan daripada buku-buku ini sebahagian daripadanya

¹² Maszlee Malik, *Kembara Beirut: Menjejaki Pelarian Palestin di Lubnan* (Kuala Lumpur: JIMedia, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, 2009), 1.

¹³ *Ibid.*, 35.

¹⁴ *Ibid.*, 74.

¹⁵ Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM), merupakan sebuah NGO berasaskan Islam di Malaysia. Ditubuhkan secara rasmi pada 27 Julai 1990. JIM merupakan gerakan Islam yang menjadikan aktiviti-aktiviti dakwah dan pembangunan sosial sebagai teras aktivismenya. Sekarang, JIM telah dibubarkan dan dikenali sebagai Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram).

diasingkan untuk dimasukkan ke dalam tabung Palestin. Salah satu buku tulisan beliau ialah 'Israel: Kenapa dunia tidak boleh mengiktirafnya'. Buku ini menceritakan tentang bagaimana sejarah awal lahirnya rejim haram Israel di negara Palestin. Daripada hasil penulisan penulis, beliau menjelaskan kepada seluruh dunia kenapa kita semua, bukan sahaja negara Islam, tidak harus mengiktiraf negara Israel. Penulis juga menyatakan secara jelas sejasasnya mengenai bumi Palestin berhak ke atas umat Islam dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Selain itu, beliau ada juga menyelitkan kisah Syekh Izzuddin al-Qassam. Bagaimana tokoh ini iaitu seorang ulama' dan pejuang Islam dalam memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan umat dan negara dari sudut perspektif Islam.

Buku seterusnya ialah 'Palestina Milik Siapa' merupakan sebuah karya Gary M. Burke iaitu seorang Kristian dan buku ini diterbitkan oleh PT BPK Gunung Mulia, Indonesia pada tahun 2010. Buku ini ditulis untuk melihat dari sudut pandangan Kristian terhadap apa yang berlaku kepada tanah Palestin, yang mana secara kebetulan penulis buku ini iaitu Gary M. Burke adalah seorang warganegara Amerika dan mempunyai latarbelakang sebagai guru besar Perjanjian Baru di Wheaton College and Graduate School. Tanah Palestin mempunyai penduduk sekitar 440000 orang dengan peratusan yang paling ramai terdiri daripada orang-orang Islam dengan peratusan sebanyak 88% iaitu 387200 orang. Masyarakat yang beragama Kristian pula seramai 39600 iaitu 9%. Manakala orang-orang Yahudi hanya seramai 13200 iaitu 3% sahaja. Dari jumlah-jumlah ini, didapati bahawa semua agama samawi terdapat di Palestin. Jadi tidak hairanlah jika masing-masing mengaku bahawa tanah Palestin itu adalah tanah mereka. Penulis banyak menghuraikan di dalam buku ini mengenai setiap peristiwa-peristiwa yang berlaku sehingga rakyat Palestin sekarang ini dihalau keluar dari Palestin. Buku ini mempunyai tiga bahagian. Bahagian pertama menceritakan mengenai latar belakang masalah yang dihadapi oleh Palestin dan Israel dalam perebutan tanah Palestin. Bahagian kedua pula menceritakan Perjanjian Lama dan Tanah Perjanjian iaitu tanah yang dijanjikan kepada Nabi Ibrahim, bangsa Israel, dan kepada para nabi-nabi terdahulu. Kemudian, di bahagian yang terakhir, buku ini menceritakan tentang Perjanjian Baru dan Tanah Perjanjian.

Kemudian, bagi pembaca yang mahukan pembacaan dari sudut yang sedikit berbeza tentang Palestin dan Israel, buku 'Gilad Atzmon: Catatan kritikal tentang Palestina dan masa depan Zionisme' karya Ahmad Syafii Maarif ini menceritakan dari pandangan Gilad Atzmon iaitu seorang ekstrimis Yahudi dan bekas tentera rejim Zionis-Israel, yang mana beliau pun tidak bersetuju akan tindakan yang zionis lakukan terhadap negara Palestin. Turut disertakan di dalam buku ini prinsip dan pandangan Gilad Atzmon terhadap penindasan yang telah dilakukan oleh bangsanya sendiri terhadap penduduk-penduduk di Palestin. Walaupun beliau pernah berkhidmat sebagai seorang tentera Zionis-Israel, tetapi beliau tidak berpihak kepada Israel. Beliau tetap tidak bersetuju dengan pendudukan Israel ke atas Palestin.

Selain daripada itu, buku 'Rakyat Palestin bersuara: Kuwarnai salji hitam... kerana kami takut pada hari-hari menjelang' adalah sebuah buku yang menukikan kisah-kisah sebenar daripada rakyat dan pelarian Palestin yang terselamat daripada kezaliman. Apabila membaca buku ini, dapat dibayangkan betapa susahnya keadaan yang dialami oleh pelarian-pelarian Palestin. Contohnya di dalam satu laporan akhbar dari Beirut yang menyatakan bahawa pelarian-pelarian Palestin di Lubnan yang mana kem pelarian mereka dibedil, mereka membuat rayuan kepada ketua agama Sunni Lubnan pada ketika itu iaitu Mufti Hassan Khaled dan pihak berkuasa agama yang lain supaya membenarkan pelarian-pelarian ini memakan daging manusia kerana mereka tiada pilihan lain selepas anjing dan kucing telah habis dimakan. Ini menggambarkan betapa terseksanya pelarian-pelarian ini selepas negara mereka Palestin diceroboh.¹⁶

¹⁶ Alijah Gordon, *Rakyat Palestin Bersuara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 1.

Di Indonesia, penerbit Islam terbesar di sana iaitu Penerbit Mizan juga banyak menerbitkan buku-buku mengenai Palestin melalui anak-anak syarikatnya. Antara judul-judul yang sempat dicari oleh penulis secara rawak ialah Eksistensi Palestina di mata Teheran dan Washington; From Beirut to Jerusalem: Kisah pengabdian seorang dokter perempuan di kamp pengungsian Palestina; Gilad Atzmon "Catatan kritikal tentang Palestina dan masa depan Zionisme"; Hamas, ikon perlawanan Islam terhadap zionisme Israel; Palestina membara: Duka orang-orang terusir; dan Scar of David, Scar of Palestine. Daripada buku-buku ini, buku yang berjudul 'Palestina membara: Duka orang-orang terusir' karya Joe Sacco sangat menarik perhatian penulis. Ini kerana ia menggunakan konsep yang agak unik iaitu novel grafik dan apabila membacanya kita seolah-olah membaca komik dan ianya mudah difahami oleh orang ramai cerita yang hendak disampaikan. Buku ini ditulis berdasarkan kepada pengalaman Joe yang pernah pergi ke Palestin dan menetap di wilayah itu selama dua bulan. Daripada pemerhatian beliau ke atas tanah Palestin, beliau kemudiannya berkongsi apa yang dilihatnya ke atas wilayah itu di dalam bentuk tulisan supaya dapat dibaca oleh orang ramai.

Penutup

Isu Palestin bukanlah suatu isu yang baru muncul. Akan tetapi, ianya telah lama diketahui oleh masyarakat antarabangsa sebagai isu kemanusiaan sejagat yang sehingga ke hari ini masih belum mencapai penyelesaiannya. Masyarakat Islam khususnya di semua negara pada hemah saya turut menyatakan sokongan padu mereka terhadap rakyat-rakyat Palestin dengan pelbagai cara samada dari segi mental, fizikal, dan pelbagai bentuk sokongan lain. Misalnya melalui penerbitan buku, melancarkan tabung-tabung kemanusiaan untuk mengutip sumbangan tidak kira dari segi kewangan, pakaian, mahupun makanan dalam usaha mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat-rakyat Palestin. Caknanya masyarakat-masyarakat dari seluruh dunia terhadap Palestin dengan memberi bantuan termasuklah bantuan dari segi 'ilmu' dengan kata lain menerbitkan buku-buku tentang Palestin dilihat sedikit sebanyak dapat membuka mata dan minda kita semua dalam mengetahui apa yang sedang berlaku di sana.

Kajian ini telah berjaya mengumpulkan senarai 52 penerbitan buku berkaitan Palestin di Malaysia. Manakala di Indonesia, terdapat 26 senarai buku berkaitan Palestin yang telah diterbitkan. Penerbitan di dua negara utama umat Islam di rantau Asia Tenggara ini boleh memberi impak yang positif terhadap kesedaran mengenai isu Palestin di negara-negara jiran yang lain. Ada kemungkinan jumlah penerbitan itu lebih daripada apa yang penulis perolehi. Apa yang pasti, penerbitan buku berkaitan Palestin tidak akan terhenti; ia akan terus berkembang. Dengan terbitnya lebih banyak lagi karya-karya mengenai Palestin, diharapkan ianya secara tidak langsung dapat membuka mata lebih ramai lagi pihak tentang pembebasan tanah Palestin khususnya Masjid al-Aqsa daripada tangan-tangan musuh yang menganiayai mereka.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya kerana telah memberikan geran untuk penyelidikan ini di bawah geran UMRG (RG448-13HNE) bertajuk *Indonesian Arabic Publications on Arabic and Islamic Studies*.

Rujukan

Alijah Gordon, *Rakyat Palestin Bersuara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

Cattan, Henry, *Palestine and International Law*, (UK: Longman Group Ltd, 1976).

De Jong, Anne. "The Gaza freedom flotilla: human rights, activism and academic neutrality." *Social Movement Studies* 11, no. 2 (2012): 193-209.

Gilbert, Martin. *The Routledge atlas of the Arab-Israeli conflict*. Routledge, 2012.

Hafidzi Mohd Noor, *Israel: Kenapa dunia tidak boleh mengiktirafnya* (Kuala Lumpur: Jamaah Islah Malaysia, 2006).

Long, Baudouin. "The Hamas Agenda: How Has It Changed?" *Middle East Policy* 17, no. 4 (2010): 131-143

Marwan bishara, *Palestin atau Israel: Keamanan atau Aparteid* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2007).

Maszlee Malik, *Al-Aqsa Dalam Bahaya* (Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, 2006).

Maszlee Malik, Hafidzi Mohd Noor, Megat Shariffudin Ibrahim, *Air Mata Gaza* (Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia, 2009).

Maszlee Malik, *Kembara Beirut: Menjejaki Pelarian Palestin di Lubnan* (Kuala Lumpur: JIMedia, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, 2009).

Milton-Edwards, Beverley. "Islamist Versus Islamist: Rising Challenge in Gaza." *Terrorism and Political Violence* 26, no. 2 (2014): 259-276.

Mohd Roslan Mohd Nor, "Konflik Israel-Palestin dari aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis", *Jurnal al-Tamaddun* 5 (2010), 73-92.

Saltzman, Ilai Z. "Honor as Foreign Policy: The Case of Israel, Turkey, and the Mavi Marmara." *International Studies Review* 17, no. 2 (2015): 249-273.

Usher, Graham. "The democratic resistance: Hamas, Fatah, and the Palestinian elections." *Journal of Palestine Studies* 35, no. 3 (2006): 20-36.

Laman Web

<http://aqsasyarifjohor.blogspot.com/2010/07/kenali-dr-hafizi-mohd-nor.html>

<http://www.amanpalestin.net/baca.php?lihat=artikelPenuh&id=1>